

## PEKELILING REKTOR

Bilangan 04 Tahun 2020

### OPERASI PENANGGUHAN PENDAFTARAN SECARA FIZIKAL / BERSEMUKA SERTA KEMASUKAN SEMUA PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) CAWANGAN KEDAH BAGI SESI OKTOBER 2020

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Penangguhan Pendaftaran Secara Fizikal / Bersemuka serta Kemasukan Semua Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah Bagi Sesi Oktober 2020.

#### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah mengambil maklum perkembangan terkini mengenai penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- 2.2 Berikutan peningkatan kes kluster COVID-19 di negeri Kedah khususnya dan Malaysia amnya, pihak UiTM Cawangan Kedah amat prihatin akan keselamatan warga UiTM dan masyarakat secara umumnya.
- 2.3 Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti Bil 6/2020 pada 2 Oktober 2020 dan Pekeliling Naib Canselor Bilangan 24 bertarikh 2 Oktober 2020 adalah dirujuk.

#### 3.0 PELAKSANAAN

Semua pelajar UiTM Cawangan Kedah adalah diminta untuk mengambil perhatian dan mematuhi arahan seperti berikut:

1. Semua pelajar UiTM Cawangan Kedah adalah ditangguhkan untuk melapor diri secara fizikal ke kampus UiTM Cawangan Kedah sehingga penularan wabak COVID-19 terkawal dan bergantung kepada arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN), KKM, KPT dan UiTM dari semasa ke semasa.
2. Bagi pelajar-pelajar baharu, anda dikehendaki untuk melaksanakan pendaftaran secara dalam talian. Pendaftaran pelajar secara fizikal adalah ditangguhkan.

3. Untuk pelajar baharu bagi semester 1, sesi 2020/2021 Minggu Destini Siswa (MDS) sedang berlangsung secara dalam talian mulai 28 September 2020 hingga 3 Oktober 2020. Manakala bagi pelajar penerapan, Program Pemantapan Destini Siswa (PDS) akan dilaksanakan secara dalam talian mulai 3 hingga 4 Oktober 2020. MDS yang sedang berlangsung bagi pelajar PPT adalah ditamatkan pada sesi petang 2 Oktober 2020. Sesi Minggu Edu 5.0@UiTM bermula pada 3 – 7 Oktober 2020 adalah diteruskan secara atas talian.
4. Semua pelajar (baharu dan lama) adalah diminta untuk meneruskan pengajian secara kaedah terbuka dan jarak jauh/ *Open and Distance Learning* (ODL) mulai 11 Oktober 2020 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kelak.
5. Semua aktiviti pelajar yang dirancang untuk dilaksanakan dalam masa terdekat hendaklah ditangguhkan sementara waktu termasuk semua aktiviti yang telah mendapat kelulusan Rektor.
6. Bagi pelajar yang telah berada di kampus dan sedang **mengikuti aktiviti akademik**, pelajar boleh kekal berada di kampus. Namun begitu, proses pengajaran dan pembelajaran akan diadakan secara kaedah terbuka dan jarak jauh/ *Open and Distance Learning* (ODL). Pemakluman keberadaan di kampus perlu dimaklumkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar.
7. Bagi pelajar yang masih ingin memasuki atau berada di kawasan kampus dimestikan mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 melalui sistem SaringC19UiTM secara dalam talian setiap hari dan *check-in* di setiap pintu masuk bahagian/ unit di UiTM dengan mengimbas QR Code menggunakan aplikasi MySejahtera dan SaringC19UiTM. Mohon semua pelajar untuk sentiasa mematuhi SOP berkaitan Covid-19 dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti. Elakkan 3S Amalkan 3W.

Pihak UiTM akan terus memantau perkembangan wabak ini serta menyalurkan maklumat terkini dari semasa ke semasa. Sebarang pertanyaan mengenai arahan ini boleh dikemukakan kepada Bilik Gerakan UiTM Cawangan Kedah di talian 04-4562027.

#### 4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 2 Oktober 2020.

#### 5.0 TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **2 Oktober 2020**.

## 6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA UiTM Cawangan Kedah dan untuk edaran dalaman sahaja.
- 6.2 Tempoh pelaksanaan arahan ini adalah tertakluk kepada perkembangan terkini wabak COVID-19 dan arahan KKM dan MKN.
- 6.3 Sebarang maklumat terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Pemakluman ini hanya untuk edaran dalaman UiTM Cawangan Kedah sahaja. Pemakluman ini digunakan untuk pelaksanaan sehingga ada ketetapan lain dibuat.
- 6.4 Pihak pengurusan Universiti merakamkan setinggi tinggi ucapan penghargaan kepada para pelajar, ibu-bapa, warga kampus dan semua yang sentiasa memberikan kerjasama kepada kami. Sama sama kita berdoa agar pandemik ini segera pulih



**PROF DR MOHAMMAD ABDULLAH HEMDI**

Rektor

Dikelilingkan Kepada:

Semua Pelajar  
Semua Staf  
UiTM Cawangan Kedah

*Bil. Fail* : 100-UiTM KDH ( PT. 6/7)